



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

NOVEMBER BULAN KELUARGA DIJADIKAN ACARA TETAP TAHUNAN DI SEMUA KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN MULAI TAHUN HADAPAN

KUCHING, 26 NOV. – Kerajaan bersetuju semua Kementerian dan Agensi Kerajaan mengadakan Hari Keluarga di Peringkat Kementerian dan Agensi masing masing bagi meraikan November Bulan Keluarga Kebangsaan mulai tahun hadapan. Jemaah Menteri pada 3 November lalu, telah meluluskan usul Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi penetapan perkara tersebut.

“Keputusan dan mandat Jemaah Menteri ini akan mengukuhkan lagi usaha meningkatkan kesejahteraan keluarga dan peranan LPPKN sebagai agensi peneraju kesejahteraan keluarga dalam negara,” tambah Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapan perasmian Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) Peringkat Negeri Sarawak, hari ini.

“Mulai tahun hadapan semua Kementerian dan agensi akan menggunakan tema yang ditetapkan di peringkat kebangsaan dengan pengisian program dan aktiviti berteraskan nilai kekeluargaan mengikut kreativiti dan menggunakan peruntukan sedia ada agensi masing-masing,” tambah Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri.

Menurutnya lagi, pelaksanaan BKK diharap akan dapat menyumbang kepada pengukuhan kesejahteraan keluarga yang diukur berdasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK). IKK telah dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kebangsaan dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sejak Kajian IKK dijalankan pada 2011, skor kesejahteraan rakyat Malaysia terus meningkat daripada 7.55 kepada 7.93 (2022). Sehingga kini LPPKN telah menjalani

empat (4) siri IKK iaitu pada 2011, 2016, 2019 dan 2022. Skor ini semakin menghampiri sasaran iaitu 8.0 daripada skala 10 menjelang tahun 2025.

Sementara itu, sambutan BKK peringkat Negeri Sarawak bertemakan Keluarga Harmoni, Negara Madani yang dimulai dengan acara larian keluarga berjaya mengumpulkan lebih 1000 ahli keluarga termasuk pemimpin tempatan.

Turut hadir, YBhg. Dato' Sri Rohani Karim, Pengerusi LPPKN dan YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

Tamat

###

**Disediakan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara**